

# Hari Keluarga Mutiara berjaya capai objektif

Sambutan yang  
diberikan amat  
menggalakkan dan  
semua kakitangan hadir  
menjayakan program  
yang dianjurkan.

St 01/04/08  
pg. T18.

■ ROSHLAWATY RAIH

KUALA TERENGGANU – Hari Keluarga Kelab Wanita Universiti Malaysia Terengganu (Mutiara) yang berlangsung di Dataran Canselor UMT kelmarin berjaya mencapai objektif yang telah disasarkan.

Pengerusinya, Laili Che Rose berkata, program bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara kakitangan UMT.

"Pada masa yang sama, program juga sekurang-kurangnya dapat membantu menghilangkan tekanan ketika bekerja dan mungkin apabila masuk ke pejabat nanti, mereka akan lebih cergas serta bersemangat."

"Alhamdulillah, sambutan yang diberikan amat menggalakkan dan semua kakitangan hadir men-



Golongan wanita tidak melepaskan peluang menyertai acara mengupas epal sempena sambutan Hari Keluarga Mutiara, kelmarin.

jayakan program yang dianjurkan," katanya.

Menurut Laili lagi, pelbagai aktiviti telah disediakan Mutiara sepanjang berlangsungnya program tersebut.

"Antaranya seperti permainan rebut kerusi berirama lelaki dan wanita, kupas epal, kaki tiga berpasangan dan baling belon berpasangan.

"Kami turut menyediakan aktiviti untuk kanak-kanak seperti mengutip gula-gula, duduk atas belon dan bawa bola ping pong dalam sudu," katanya.

Hadiyah kepada semua pemenang disampaikan Penasihat Mutiara, Toh Puan Noor Rohani Mohd. Noor berupa hamper sumbangan daripada Mutiara.